



**PERBANDINGAN ANTARA BAHASA SEMAI DI HULU SELANGOR  
DENGAN BAHASA MELAYU**

Oleh

**SITI AISAH BINTI ZAILANI @ HJ AHMAD**

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah,  
Universiti Putra Malaysia, sebagai Memenuhi Keperluan  
untuk Ijazah Doktor Falsafah**

**Ogos 2022**

**FBMK 2022 52**

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersial daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia  
sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

**PERBANDINGAN ANTARA BAHASA SEMAI DI HULU SELANGOR  
DENGAN BAHASA MELAYU**

Oleh

**SITI AISAH BINTI ZAILANI @ HJ AHMAD**

**Ogos 2022**

Pengerusi : Adi Yasran Abdul Aziz, PhD  
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Bahasa Semai merupakan bahasa yang dituturkan oleh orang Asli Semai dari suku kaum Senoi. Bahasa Semai yang digunakan di kawasan pedalaman tidak menerima pengaruh bahasa asing menyebabkan bahasa ini tidak berkembang seperti bahasa Melayu dan mengalami banyak kekurangan dalam perbendaharaan kata. Walaupun, bahasa Semai dan bahasa Melayu berasal dari rumpun yang berbeza, serta tiada hubungan kedekatan antara kedua-dua bahasa, namun kajian lalu memperlihatkan banyak penggunaan perkataan bahasa Melayu dalam kosa kata bahasa Semai. Sehubungan dengan itu, kajian ini dilaksanakan untuk mengenal pasti ciri linguistik bahasa Semai, membandingkan kosa kata antara bahasa Semai dengan bahasa Melayu dan menganalisis perubahan fonologi kosa kata bahasa Melayu dalam bahasa Semai. Data dikutip di lapangan melalui pemerhatian dan temu bual bersama 10 orang informan bagi mengumpulkan 382 kosa kata. Penganalisisan data menggunakan kaedah Leksikostatistik dan Teori Fonologi Generatif. Dapatan kajian mendapati bahasa Semai mempunyai 8 fonem vokal dan 19 fonem konsonan. Selain itu, kata bilangan ‘satu’, ‘dua’, ‘tiga’ dan ‘lima’ sahaja yang disebut dalam bahasa Semai, manakala bagi kata ganti nama diri pertama, kedua dan ketiga memperlihat ketulenan dalam bahasa Semai. Hasil perbandingan 207 kosa kata antara bahasa Semai dan bahasa Melayu menunjukkan 54 kata dasar yang berkognat, manakala kosa kata tidak kognat antara bahasa yang dibandingkan dan mengekalkan ketulenan dalam bentuk bahasa asalnya berjumlah 144 kata. Bahasa Semai berada pada tingkat rumpun dengan bahasa Melayu 27.3%. Hasil kajian menunjukkan bahasa Semai mengalami perubahan fonologi seperti penyisipan hentian glotis [?], penyisipan geseran glotis [h], penyahnasalan di akhir kata, pembentukan hentian glotis [?] dan nasal homorganik. Pencapaian ketiga-tiga objektif ini telah menunjukkan kebaharuan yang berbeza dengan kajian bahasa Semai yang telah dilaksanakan sebelum ini. Diharapkan kajian ini dapat menyumbang kepada penambahan rujukan bahasa orang Asli.

Abstract of thesis presented to the Senate of University Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

**LINGUISTIC COMPARISON BETWEEN SEMAI LANGUAGE IN  
HULU SELANGOR AND MALAY LANGUAGE**

By

**SITI AISAH BINTI ZAILANI @ HJ AHMAD**

**August 2022**

**Chairman : Adi Yasran Abdul Aziz, PhD**  
**Faculty : Modern Languages and Communication**

Semai is a language spoken by the Semai Orang Asli of the Senoi tribe. The Semai language used in the rural areas does not accept the influence of foreign languages, resulting in the non-evolving language as the Malay language and experiencing many deficiencies in vocabulary. Although, the Semai language and the language come from different groups, and there is no close relationship between these two languages, past studies have shown the use of many Malay word in the Semai language vocabulary. In this regard, this study was carried out to identify the linguistic features of the Semai language, compare the vocabulary between Semai and Malay and analyze the phonological changes of the Malay vocabulary in the Semai language. Data collected in field through observations and interviews with 10 informant to collect 382 vocabulary words. Data analysis using the method of Lexicostatistics and Generative Phonological Theory. The findings of the study found that the Semai language has 8 vowel phonemes and 19 consonant phonemes. In addition, only the number words 'one', 'two', 'three' and 'five' are mentioned in the Semai languages, while for the first, second and third personal pronouns see authenticity in the Semai language. The results of the comparison of 207 vocabulary between Semai and Malay showed 54 basic words that are cognate, while the vocabulary was not cognat between the languages compared and retained authenticity in the original language amounted to 144 words. Semai language is at the clumps level with Malay language at 27.3%. The results showed that the Semai language underwent phonological changes such as glottal stop [?] insertion, glottal fricative [h] insertion, denasalization at the end of the word, glottal stop [?] formation and homorganic nasal. The achievement of these three objectives has shown a novelty that is different from the Semai language study that have been implemented previously. It is hoped that this study can contribute to the addition of indigenous language references.

## PENGHARGAAN

Segala puji dan syukur dipanjangkan ke hadrat Allah SWT atas segala nikmat dan rahmat yang dilimpahkan kepada hamba-Nya ini. Diberikan kemudahan disetiap kesusahan dan kesulitan yang dihadapi. Diberikan ketenangan serta kelapangan disetiap kebuntuan yang dilalui sepanjang menyiapkan dan menyempurnakan kajian ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga saya tujuhan buat Profesor Madya Dr. Adi Yasran Abdul Aziz selaku Pengurus Jawatankuasa Penyeliaan Tesis yang tidak pernah jemu memberikan tunjuk ajar, teguran yang membina sehingga penulisan tesis ini dapat diselesaikan dengan jayanya. Jutaan terima kasih buat Dr. Mohd Sharifudin Yusop selaku bekas Penyelia Tesis sering memberikan dorongan dan semangat kepada saya. Ribuan terima kasih ditujukan kepada Datin Dr. Hasnah Mohamad dan Dr. Zuraini Jusoh selaku Jawatankuasa Penyeliaan Tesis yang tidak pernah lokek dalam memberikan pandangan dan idea yang membina demi menghasilkan penulisan tesis yang lebih baik. Tidak dilupakan kepada semua kakitangan Unit Siswazah, FBMK yang sentiasa menghulur bantuan dan memudahkan urusan saya sepanjang pengajian saya.

Penghargaan dan terima kasih didedikasikan buat pihak JAKOA yang telah memberikan kebenaran untuk menjalankan kajian bahasa Orang Asli ini. Tidak lupa kepada kedua-dua Tok Batin, iaitu En. Ahmad Bah Ngah dan En. Hassan Kaku atas kesudian menerima kedatangan saya ke perkampungan mereka dan menghulurkan bantuan serta maklumat berkenaan bahasa Semai di kawasan kajian. Saya juga merakamkan ucapan ‘terima kasih’ buat masyarakat Semai di Hulu Selangor yang sudi melibatkan diri dalam kajian bahasa ini.

Buat ayahanda dan bonda serta keluarga, terima kasih yang tak terhingga di atas limpahan kasih sayang serta semangat yang diberikan sepanjang saya berada dalam pengajian ini. Tidak lupa juga buat rakan-rakan seperjuangan yang senantiasa bersama-sama saya sepanjang pengajian. Terima kasih atas kata-kata semangat dan dorongan yang saling diberikan dikala jatuh bangunnya semangat dan kekuatan dalam meneruskan ‘jihad’ ini. Segala jasa baik yang telah kalian hulurkan kepada saya, hanya Allah SWT yang dapat membalaunya. Semoga kalian senantiasa berada di bawah lindungan dan rahmat-Nya dan semoga Allah menambahkan kebaikan yang banyak ke atas kalian.

جَزَاكُمُ اللَّهُ خَيْرًا كَثِيرًا

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putera Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Adi Yasran bin Abdul Aziz, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putera Malaysia  
(Pengerusi)

**Hasnah binti Mohamad, PhD**

Pensyarah Kanan, Datin  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putera Malaysia  
(Ahli)

**Zuraini binti Jusoh, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putera Malaysia  
(Ahli)

---

**ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD**

Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 14 Disember 2023

## ISI KANDUNGAN

Halaman

<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>PENGESAHAN</b>	iv
<b>PERAKUAN</b>	vi
<b>SENARAI JADUAL</b>	x
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiv

## BAB

<b>1 PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.1.1 Orang Asli di Malaysia	2
1.1.2 Klasifikasi Suku Kaum Orang Asli	5
1.1.3 Suku Bangsa Senoi	7
1.1.4 Orang Asli Semai	9
1.1.5 Orang Asli di Hulu Selangor	9
1.2 Pernyataan Masalah	11
1.3 Objektif Kajian	13
1.4 Persoalan Kajian	13
1.5 Kepentingan Kajian	13
1.6 Batasan Kajian	14
1.7 Definisi Operasional	16
1.7.1 Perbandingan Bahasa	16
1.7.2 Bahasa Semai	17
1.7.3 Bahasa Melayu	18
1.8 Kesimpulan	18
<b>2 SOROTAN KAJIAN</b>	
2.1 Pengenalan	19
2.2 Kajian Berkaitan Bahasa Semai	19
2.3 Kajian Berkaitan Perbandingan Bahasa	25
2.4 Kajian Berkaitan Perubahan Fonologi	30
2.5 Kesimpulan	36
<b>3 METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.1 Pengenalan	40
3.2 Reka Bentuk Kajian	40
3.3 Kerangka Teori	42
3.3.1 Leksikostatistik	43
3.3.2 Teori Fonologi Generatif	46
3.4 Kerangka Kajian	50
3.5 Kaedah Pengumpulan Data	51
3.5.1 Pemerhatian	51
3.5.2 Temu Bual	52
3.6 Lokasi Kajian	56
3.6.1 Kampung Serigala	57

3.6.2	Kampung Changkat Bintang	58
3.7	Pemilihan Informan Kajian	60
3.8	Kesahan dan Kebolehpercayaan Kajian	62
3.9	Instrumen Kajian	63
3.10	Tatacara Kajian	64
3.11	Penganalisisan Data	65
3.12	Pertimbangan Etika	66
3.13	Kesimpulan	67
<b>4</b>	<b>DAPATAN DAN ANALISIS DATA</b>	
4.1	Pengenalan	68
4.2	Ciri Linguistik Bahasa Semai	68
4.2.1	Sistem Bunyi	70
4.2.2	Kata Bilangan	85
4.2.3	Kata Ganti Nama Diri	86
4.2.4	Struktur Suku Kata Dasar	87
4.3	Perbandingan Kosa Kata Bahasa Semai dengan Bahasa Melayu	89
4.3.1	Perbandingan Kosa Kata Dasar dalam Bahasa Semai Berdasarkan Tema	89
4.3.2	Perbandingan Kosa Kata Dasar antara Bahasa Semai dan Bahasa Melayu	101
4.3.3	Kekerabatan Bahasa Semai dan Bahasa Melayu	113
4.4	Proses Fonologi Kata Pinjaman Bahasa Melayu dalam Bahasa Semai	115
4.4.1	Penyisipan Hentian Glotis /?/	116
4.4.2	Penyisipan Geseran/h/	119
4.4.3	Penyahnasalan di Akhir Kata	126
4.4.4	Pembentukan Hentian Glotis	132
4.4.5	Nasal Homorganik	133
4.5	Kesimpulan	137
<b>5</b>	<b>RUMUSAN DAN CADANGAN KAJIAN</b>	
5.1	Pengenalan	139
5.2	Rumusan	139
5.2.1	Ciri Linguistik bahasa Semai	140
5.2.2	Perbandingan Kosa Kata antara Bahasa Semai dengan Bahasa Melayu	141
5.2.3	Perubahan Fonologi Kosa Kata Pinjaman Bahasa Melayu dalam Bahasa Semai	144
5.3	Implikasi Kajian	147
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	149
5.5	Kesimpulan	152
<b>BIBLIOGRAFI</b>		154
<b>LAMPIRAN</b>		162
<b>BIODATA PELAJAR</b>		211
<b>SENARAI PENERBITAN</b>		212

## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>		<b>Halaman</b>
1.1	Taburan Orang Asli Mengikut Negeri	3
1.2	Taburan Orang Asli Mengikut Pecahan Daerah di Selangor	10
1.3	Klasifikasi Kampung Orang Asli di Selangor	10
3.1	Klasifikasi Bahasa Berdasarkan Tingkat Kekerabatan	45
3.2	Klasifikasi Bahasa Berdasarkan Waktu Pisah	45
3.3	Tarikh Sesi Temu Bual Bersama Informan	54
4.1	Vokal Oral Bahasa Semai Hulu Selangor	70
4.2	Vokal dalam Bahasa Semai	71
4.3	Vokal Depan Sempit /i/	72
4.4	Vokal Depan Separuh Sempit /e/	73
4.5	Vokal Depan Separuh Rendah /ɛ/	73
4.6	Vokal Depan Luas /a/	74
4.7	Vokal Belakang Tinggi /u/	74
4.8	Vokal Belakang Separuh Tinggi /o/	75
4.9	Vokal Belakang Bundar /ɔ/	76
4.10	Vokal Tengah /ə/	76
4.11	Penyebaran Diftong dalam Bahasa Semai	77
4.12	Kedudukan Fonem Konsonan	78
4.13	Konsonan Plosif Bersuara /b, d, g/	79
4.14	Konsonan Plosif Tak Bersuara /p, t, k, ʔ/	80
4.15	Konsonan Afrikat /tʃ,dʒ/	81
4.16	Konsonan Nasal /m, n, ŋ, ŋ/	82

4.17	Konsonan Frikatif /s, h/	83
4.18	Konsonan Getaran /r/	83
4.19	Konsonan Lateral /l/	84
4.20	Separuh Vokal /w, j/	85
4.21	Kata Bilangan dalam Bahasa Semai	85
4.22	Kata Ganti Nama Diri	86
4.23	Struktur Suku Kata Bahasa Semai	87
4.24	Panggilan dan Sapaan dalam Keluarga	90
4.25	Kosa Kata Anggota Tubuh Badan	92
4.26	Kosa Kata Peralatan dan Bahagian dalam Rumah	94
4.27	Kosa Kata Haiwan dan Tumbuhan	95
4.28	Kosa Kata Pakaian dan Pehiasan	98
4.29	Kosa Kata Benyuk Muka Bumi	99
4.30	Kosa Kata Perlakuan dan Perasaan	100
4.31	Perbandingan Kosa Kata Bahasa Semai dengan Bahasa Melayu	102
4.32	Penyisihan Kosa Kata Bahasa Melayu dan Bahasa Semai	108
4.33	Kosa Kata yang Memiliki Kesamaan Seratus Peratus	109
4.34	Kemiripan Fonem yang Berulangan	110
4.35	Kosa Kata yang Berkognat	111
4.36	Kosa Kata yang Tidak Berkognat	112
4.37	Klasifikasi Bahasa Berdasarkan Tingkat Kekerabatan	114
4.38	Penyisipan Hentian Glotis [?] Pada Akhir Kata	117
4.39	Perkataan yang Tidak Menerima Penyisipan Glotis [?]	119
4.40	Penyisipan Konsonan [h] antara Urutan Vokal	120

4.41	Perubahan Konsonan Nasal /n/ di Akhir Kata	129
4.42	Perubahan Nasal [ŋ] kepada Plosif Velar [g]	130
4.43	Pembentukan Hentian Glotis di Akhir Kata	132
4.44	Deretan Konsonan Nasal-Obstruen Letupan Bersuara	134

## **SENARAI RAJAH**

<b>Rajah</b>		<b>Halaman</b>
1.1	Lokasi Taburan Orang Asli di Semenanjung Malaysia	4
1.2	Bilangan Penduduk Orang Asli Mengikut Kumpulan Utama	5
1.3	Pecahan Kelompok Orang Asli dan Suku Kaum	6
1.4	Peta Kawasan Penempatan Orang Asli Suku Kaum Senoi	8
3.1	Kerangka Kajian	50
3.2	Kedudukan Kampung Orang Asli Serigala	57
3.3	Kedudukan Kampung Orang Asli Changkat Bintang	59

## **SENARAI SINGKATAN**

&	dan
JAKOA	Jabatan Kemajuan Orang Asli
JHEOA	Jabatan Hal Ehwal Orang Asli
PERKIM	Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia
BIL	Bilangan
GDW	Gerakan Daya Wawasan
Risda	Rubber Industry Smallholders Development Authority
KPZ	Pusat Zakat Selangor
IPA	International Phonetic Alphabet
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
NGO	Badan Bukan Kerajaan
⊖	Tiada data ditemui
TG	Teori Transformasi Generatif
FG	Teori Fonologi Generatif
KGND	Kata Ganti Nama Diri

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Umum mengetahui Malaysia merupakan sebuah negara yang harmoni dan majmuk dengan masyarakatnya yang terdiri daripada kepelbagaiannya kaum, agama, budaya dan bahasa. Populasinya terbahagi kepada empat kumpulan kaum yang terbesar iaitu kaum bumiputera yang terdiri daripada Melayu, orang Asli, Dayak, Kadazan-Dusun; kaum Cina; kaum India; dan lain-lain kaum. Selain itu, Malaysia yang turut dihuni oleh masyarakat orang Asli yang menempati kawasan Semenanjung Malaysia. Oleh sebab Malaysia mempunyai penduduk yang berbilang kaum, maka bahasa Melayu menjadi bahasa pengantar kepada perpaduan kaum. Bahasa Melayu telah diangkat menjadi bahasa rasmi, bahasa kebangsaan dan juga sebagai bahasa pengantar utama menjadi lambang jati diri rakyat Malaysia (Nurul Hardeah, 2019). Walau bagaimanapun, bahasa-bahasa lain tidak dinafikan kedudukan dan hak bahasa tersebut untuk digunakan dan dipelajari oleh mana-mana kaum lain.

Sa'adiah Ma'alip dan Teo Kok Seong (2016) menyatakan bahawa bahasa Melayu menjadi bahasa pengantar utama untuk berkomunikasi antara masyarakat yang berbilang kaum. Keadaan ini sebenarnya telah menyebabkan penggunaan bahasa etnik masyarakat khususnya kaum minoriti atau lebih dikenali sebagai masyarakat orang Asli didominasi oleh bahasa Melayu. Bahasa yang berstatus minoriti atau dengan kata lain bahasa yang hanya difahami oleh suatu kelompok kecil itu tidak dapat digunakan untuk berinteraksi dengan komuniti di sekeliling mereka. Tuntutan untuk kaum minoriti menguasai bahasa Melayu bagi menjamin kelangsungan hidup menjadikan bahasa minoriti perlu barsaing dan senada mengikut arus perdana, telah mengganggu pengekalan keaslian dan ketulenan bahasa minoriti tersebut.

Fishman (1989) menjelaskan seandainya terdapat dua atau lebih bahasa yang berada dalam situasi komunikasi, maka akan wujudlah tiga pilihan dalam kalangan penutur bahasa:

- i. Penutur bahasa akan berhadapan dengan pilihan, iaitu yang mungkin berlaku dalam konteks ini, suatu bahasa itu dapat dipertahankan tanpa berlakunya sebarang perubahan.
- ii. Pilihan kedua pula, masyarakat tutur mungkin akan beranjak atau menukar beberapa bentuk bahasa seperti kosa kata, fonetik, fonologi dan morfologi yang terdapat dalam bahasanya.
- iii. Pilihan yang ketiga, salah satu bahasa yang mungkin lebih berpengaruh daripada bahasa-bahasa yang lain akan dikuasai, sekali

gus menyebabkan penggunaan bahasa ibunda masyarakat tersebut semakin merosot akibat daripada wujudnya suatu bahasa yang lebih mendominasi dalam kalangan masyarakat tutur. Perihal ini dikenali sebagai peralihan bahasa yang merujuk kepada perubahan dalam penggunaan bahasa.

Dalam konteks ini, masyarakat orang Asli berkemungkinan membuat pilihan yang kedua dengan menukar beberapa bentuk bahasa seperti kosa kata, fonetik, fonologi dan morfologi yang terdapat dalam bahasa mereka. Fenomena ini, sekali gus bakal menggugat keaslian sesuatu bahasa itu kerana bahasa orang Asli di Malaysia kebanyakannya telah meminjam begitu banyak perkataan bahasa Melayu (Mohamad Rozi, 2020). Perubahan bahasa ini tidaklah membawa kepada kehilangan terus bahasa itu secara keseluruhannya. Tetapi ragam ini akan mengakibatkan penggunaan bahasa dalam kehidupan seharian semakin berkurangan dek kerana kecenderungan mengantikannya dengan bahasa yang lebih berpengaruh. Hal ini bertepatan dengan pandangan yang diutarakan oleh Mohd Sharifudin (2007), pada tahap ini banyak perubahan akan berlaku dalam struktur bahasa yang didominasi terutamanya dari aspek leksikon dan sistem bunyi.

### 1.1.1 Orang Asli di Malaysia

Masyarakat orang Asli di negara ini dilindungi di bawah Perlembagaan Negara, iaitu sama kedudukannya dengan orang Melayu dan bumiputera Sabah dan Sarawak yang mempunyai hak di negara ini di bawah Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan. Bak kata pepatah Melayu, “*berdiri sama tinggi, duduk sama rendah*”, begitulah gambaran yang dapat memerihalkan bahawa keistimewaan dan kepentingan masyarakat orang Asli ini tetap dipelihara sama sebagaimana masyarakat arus perdana yang lainnya. Kewujudan Akta Orang Asli (Akta 134) di bawah *Aboriginal Ordinance No. 3, 1954* yang telah dipinda pada tahun 1974, masyarakat orang Asli telah dihuraikan secara terperinci (JAKOA, 2018). Hak keistimewaan orang Asli, anak-anak dan keturunan mereka dijamin oleh Yang di-Pertuan Agong selaku pelindung mereka tanpa menafikan hak-hak kaum lain di negara ini (Mohamad Sofee, 2011). Menurut Akta 134 yang termaktub dalam Akta Orang Asli 1954, orang Asli ditakrifkan sebagaimana yang berikut:

- i. mana-mana orang yang bapanya ialah anggota kumpulan etnik orang Asli, yang bercakap bahasa orang Asli dan lazimnya mengikut cara hidup orang Asli, adat dan kepercayaan orang Asli dan termasuklah seorang keturunan melalui jurai lelaki itu;
- ii. mana-mana orang daripada mana-mana kaum yang diambil sebagai anak angkat semasa bayi oleh orang Asli yang telah dibesarkan sebagai seorang orang Asli, lazimnya bercakap bahasa orang Asli, lazimnya mengikut cara hidup orang Asli dan adat serta kepercayaan orang Asli dan ialah anggota suatu masyarakat orang Asli; atau
- iii. anak daripada mana-mana penyatuan antara seorang perempuan orang Asli dengan seorang lelaki daripada suatu kaum lain, dengan

syarat bahawa anak itu lazimnya bercakap dalam bahasa orang Asli, lazimnya mengikut cara hidup orang Asli, adat dan kepercayaan orang Asli dan masih lagi menjadi anggota suatu masyarakat orang Asli.

Selain itu, Akta 134 juga menyatakan bahawa mana-mana orang Asli yang memeluk mana-mana agama lain atau kerana apa-apa sebab lain tidak lagi berpegang kepada kepercayaan orang Asli tetapi dia masih mengikut cara hidup orang Asli dan adat orang Asli atau bercakap bahasa orang Asli tidak boleh disifatkan tidak lagi menjadi orang Asli semata-mata oleh sebab dia mengamalkan agama itu. Segala persoalan sama ada mana-mana orang ialah orang Asli atau bukan orang Asli perlulah diputuskan oleh menteri.

Di Semenanjung Malaysia, golongan masyarakat orang Asli dikenali sebagai kelompok minoriti yang hidup secara aman bersama kaum-kaum utama yang lainnya (Mohd Rasdi, 2011; Abu Hassan & Mohd Rasdi, 2012). Terdapat sebanyak 853 buah kampung orang Asli yang telah diiktiraf oleh pihak JAKOA di Semenanjung Malaysia dengan jumlah penduduk seramai 178,197 orang (JAKOA, 2014). Taburan penempatan orang Asli mengikut negeri dapat dilihat seperti dalam Jadual 1.1 yang berikut:


**Jadual 1.1: Taburan Orang Asli Mengikut Negeri**

Negeri	Bilangan Kampung	Penduduk Lelaki	Penduduk Perempuan	Jumlah
Pahang	262	35,323	32,183	67,506
Perak	255	27,716	25,583	53,299
Selangor	74	9,254	8,333	17,587
Kelantan	118	7,140	6,317	13,457
Johor	58	6,702	6,437	13,139
N. Sembilan	68	5,461	5,070	10,531
Melaka	14	778	737	1,515
Terengganu	3	474	419	893
Kedah	1	155	155	270
<b>Jumlah</b>	<b>853</b>	<b>93,003</b>	<b>85,194</b>	<b>178,197</b>

(Sumber: Jabatan Kemajuan Orang Asli, 2014)

Jadual 1.1 di atas memaparkan bilangan kampung dan keberadaan masyarakat orang Asli yang terdapat di Semenanjung Malaysia. Masyarakat ini merupakan satu entiti masyarakat Malaysia yang tersebar di seluruh Semenanjung Malaysia, kecuali negeri Perlis dan negeri Pulau Pinang (Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, 2020). Negeri Pahang, Perak,

Selangor, Kelantan, Johor dan Negeri Sembilan mencatatkan jumlah masyarakat orang Asli yang tinggi berbanding dengan bilangan orang Asli yang berada di tiga buah negeri yang lain, iaitu di Melaka, Terengganu dan Kedah. Manakala di negeri Perlis dan Pulau Pinang pula tidak dicatatkan kewujudan masyarakat orang Asli yang mendiami negeri tersebut. Taburan penempatan masyarakat orang Asli bagi setiap sub kaum di Semenanjung Malaysia dilihat sebagaimana dalam rajah yang berikut:




**Rajah 1.1: Lokasi Taburan Orang Asli di Semenanjung Malaysia**  
(Sumber: <https://www.malaysiakini.com>)

Mohd Mizan dan Shuhairimi (2004) menyatakan kelompok orang Asli berstatus penduduk yang terawal di negara ini berperanan dalam menakluki kawasan pedalaman khususnya hutan belantara untuk dijadikan kawasan penempatan

mereka sendiri. Jika dahulu masyarakat orang Asli lebih gemar menyendirি serta hanya hidup dalam kelompok mereka sahaja dengan melakukan kerja-kerja di hutan, namun kini mereka tidak hanya duduk di dalam perkampungan mereka sahaja. Perubahan corak kehidupan telah membawa gerakan pada kelompok ini untuk bersaing bersama masyarakat sekitar dalam membina kehidupan di era kini.

### 1.1.2 Klasifikasi Suku Kaum Orang Asli


Masyarakat orang Asli di Semenanjung Malaysia ini dapat diklasifikasikan kepada tiga kelompok suku kaum, iaitu Negrito, Senoi dan Melayu-Proto. Menurut Jabatan Kemajuan Orang Asli (2014), kelompok Negrito hanya mencatatkan bilangan seramai 5009 orang merupakan kelompok masyarakat orang Asli yang paling sedikit bilangannya. Manakala kelompok Senoi pula mencatatkan bilangan penduduk orang Asli yang terbesar, iaitu seramai 97,856 orang dan kelompok Melayu-Proto dengan jumlahnya seramai 75,332 orang merupakan kelompok yang kedua terbesar. Perihal ini dapat dijelaskan sebagaimana dalam rajah yang berikut:



**Rajah 1.2: Bilangan Penduduk Orang Asli Mengikut Kumpulan Utama**  
(Sumber: Jabatan Kemajuan Orang Asli, 2014)

Rohani dan Noor Hasnoor (2014) menyatakan setiap kelompok masyarakat orang Asli ini terbahagi kepada beberapa suku kaum yang menjadikannya sebanyak 18 suku kaum dan disebabkan jumlah mereka yang kecil telah menjadikan mereka sebagai penduduk minoriti di negara ini. Pecahan

kelompok orang Asli dan suku kaum turunannya dijelaskan sebagaimana dalam rajah yang berikut:



**Rajah 1.3: Pecahan Kelompok Orang Asli dan Suku Kaum**  
(Sumber: Rohani dan Noor Hasnoor, 2014)

Rajah 1.3 di atas memaparkan pecahan suku kaum orang Asli mengikut kelompok utamanya yang terdiri daripada enam turunan suku kaum bagi setiap kelompok tersebut. Setiap suku kaum orang Asli mempunyai bahasa tersendiri yang digunakan oleh mereka untuk berhubung sesama sendiri dalam

lingkungan komuniti orang Asli dan hanya dapat difahami oleh masyarakat bahasa itu sahaja. Puak atau suku kaum yang lain tidak dapat memahami bahasa yang dipertuturkan oleh setiap sub kaum orang Asli di Semenanjung Malaysia (Fazal Mohamed dan Khairul Faiz, 2014). Kelompok orang Asli Negrito dan Senoi tergolong dalam rumpun Austroasiatik atau Asia Selatan yang terdiri dari bahasa-bahasa Cham dan Mon-Khmer (Asmah Haji Omar, 1993). Kumpulan orang Asli Melayu-Proto pula turunan daripada rumpun Austronesia yang juga menurunkan bahasa Melayu. Perbezaan bahasa dan budaya dalam setiap suku kaum orang Asli telah menyukarkan kehidupan seharian masyarakat minoriti ini dengan masyarakat arus perdana serta kaum-kaum minoriti yang lain (Abu Hasan & Mohd Rasdi, 2012). Setiap bahasa yang dituturkan oleh masyarakat ini memiliki keistimewaan yang tersendiri sehingga bahasa tersebut menjadi lambang bagi mewakili masyarakat sesuatu bahasa tersebut.

### 1.1.3 Suku Bangsa Senoi

Diffloth (1977) menyatakan Senoi merupakan salah satu daripada tiga cabang bahasa Mon-Khmer yang dituturkan di Malaysia, dan bahasa Mon-Khmer adalah salah satu daripada dua bahagian rumpun Austroasiatik dan Munda. Mohd Sharifudin dan Alang Sabak (2018) menyatakan Senoi tergolong dalam rumpun bahasa Austroasiatik dan dialek utamanya ialah bahasa Semai dan bahasa Temiar yang memiliki ciri-ciri persamaan yang ketara. Esther Florence (2004) menyatakan suku kaum Senoi senang menggelarkan diri mereka sebagai 'orang' *snooy* atau *sng'ooy*, atau istilah yang ditulis oleh orang Eropah sebagai Senoi atau Sengoi. Perihal ini turut pernah dinyatakan oleh Dentan (2003), perkataan 'Senoi' yang lebih tepatnya 'Senqui' atau 'Sengqoi' merujuk kepada 'orang' dan kebanyakannya ahli etnologi menghuraikan masyarakat orang Asli seperti Semai, Temiar, Jah Hut, Che Wong dan Mah Meri yang bertutur dalam bahasa turunan Mon-Khmer.

Penempatan bagi masyarakat orang Asli yang berketurunan Senoi ini turut dijelaskan oleh Alias (2015), iaitu kelompok ini banyak ditemui di sepanjang kawasan utama di Perak, Pahang dan Kelantan (Semai, Temiar), di Pahang Tengah (Jah Hut, Che Wong), di Persisir Pantai Selangor (Mah Mari) dan di Selatan-Tengah Pahang (Semoq Beri). Namun tidak dinyatakan keberadaan masyarakat Semai yang turut sama mendiami di kawasan hujung negeri Selangor yang bersempadan dengan negeri Perak. Mohd Sharifudin dan Alang Sabak (2018:7) telah mencirikan masyarakat suku kaum Senoi:

Dari segi susuk tubuh dan warna kulit, orang Negrito bertubuh kecil dengan ketinggian lebih kurang lima kaki dan berkulit gelap atau hitam, bermata besar dan berambut keriting...kumpulan Senoi mempunyai bentuk tubuh yang tinggi sedikit daripada kumpulan Negrito, berkulit agak cerah dan rambut berombak. Penempatan mereka lebih tersusun dan membuat perkampungan secara berkekalan yang hampir dengan kawasan bandar telah

memperlihatkan aktiviti sosial yang agak lebih sistematik, manakala kegiatan pertanian menjurus ke arah komersial.

Masyarakat orang Asli mempunyai sifat dan ciri yang berbeza-beza mengikut kaumnya. Berdasarkan cirian ‘istimewa’ itulah yang membuatkan setiap suku kaum orang Asli itu lebih mudah dikenali dan mereka dapat membuat pengecaman terhadap masyarakat orang Asli yang berlainan suku kaum. Majoriti masyarakat Senoi ditemui di negeri-negeri utara di sepanjang cerun berbukit yang terdapat di pedalaman negeri Perak, Pahang, Terengganu, Kelantan dan Selangor. Kedudukan penempatan masyarakat orang Asli suku kaum Senoi di Semenanjung Malaysia boleh dilihat berdasarkan rajah yang berikut:



**Rajah 1.4: Peta Kawasan Penempatan Orang Asli Suku Kaum Senoi**  
(Sumber: Portal Utama Jabatan Kemajuan Orang Asli, 2015)

#### **1.1.4 Orang Asli Semai**

Suku Semai merujuk kepada masyarakat orang Asli yang berketurunan Semai yang dikategorikan di bawah keluarga suku bangsa Senoi (Phillips, 2007). Secara umumnya, istilah ‘Semai’ dikaitkan dengan aktiviti menyemai dalam kegiatan pertanian yang telah lama mereka amalkan dalam kehidupan orang Asli Semai (Mohd Sharifudin dan Alang Sabak, 2018). Walau bagaimanapun, masyarakat Semai sangat jarang menggunakan istilah ‘Semai’ bagi merujuk diri mereka sendiri. Masyarakat Semai lebih senang menggunakan istilah ‘*sengqoi hiiq*’ yang bermaksud ‘orang kita’, ‘mai darat’ atau ‘mai seraq’ yang kedua-duanya merujuk kepada ‘orang-orang di bahagian pedalaman’ (Esther Florence, 2004).

Suku kaum Semai ini adalah salah satu daripada enam suku yang terangkum dalam kumpulan etnik orang Asli Senoi yang menempati Semenanjung Malaysia (Carey, 1976). Philips (2007) menyatakan, bahasa Semai dituturkan oleh hampir 34,000 orang penuturnya yang kebanyakannya tinggal menetap di kawasan pedalaman di Semenanjung Malaysia, iaitu di negeri Perak dan Pahang. Kebanyakan kaum ini tinggal di daerah Batang Padang, Kinta, Perak Tengah dan Hilir Perak di negeri Perak serta di daerah Kuala Lipis dan Cameron Highlands di Pahang (Mohd Sharifudin dan Alang Sabak, 2018).

Abd. Hadi dan Karim (2017: 51) menjelaskan etnik peribumi yang banyak mendiami kawasan Tengah Semenanjung Malaysia dan kebanyakannya berada di kawasan Banjaran Titiwangsa yang meliputi Perak Tengah, Perak Selatan dan Pahang Barat dikenali sebagai orang Asli Semai. Orang Asli Semai ini bergantung kepada hasil hutan untuk kelangsungan hidup mereka, manakala yang lain pula terlibat dalam aktiviti pertanian seperti menguruskan ladang getah, kelapa sawit atau ladang koko dan sesetengahnya pula ada yang bekerja di sektor bergaji seperti tenaga kerja mahir dan tidak mahir bahkan dalam pekerjaan profesional. Dentan (1968) turut pernah menyatakan masyarakat Semai mengamalkan aktiviti berburu dan bertani di kebun-kebun yang lokasinya jauh dari tempat tinggal mereka. Sekaligus menjadikan hutan sebagai sumber penting untuk ubatan bagi kaum Semai.

#### **1.1.5 Orang Asli di Hulu Selangor**

Negeri Selangor merupakan salah sebuah negeri yang berada di bahagian tengah pantai barat Semenanjung Malaysia dan terletak di bahagian barat Banjaran Titiwangsa. Kedudukannya yang bersempadan dengan negeri Perak di bahagian utara, manakala Pahang di bahagian timur dan Negeri Sembilan di bahagian selatan (Portal Kerajaan Negeri Selangor, 2019). Terdapat sembilan daerah yang wujud dalam negeri ini, iaitu daerah Sabak Bernam, Kuala Selangor, Hulu Selangor, Gombak, Klang, Petaling, Sepang, Hulu Langat dan Kuala Langat. Daripada sembilan daerah tersebut, tujuh daripadanya menjadi penempatan bagi masyarakat orang Asli yang

berketurunan Temuan, Mahmeri dan Semai. Taburan masyarakat orang Asli yang wujud di Selangor mengikut pecahan daerah adalah seperti dalam jadual yang berikut:

**Jadual 1.2: Taburan Orang Asli Mengikut Daerah di Selangor**

Kelompok	Daerah
1. Semai	Hulu Selangor
2. Temuan	Hulu Selangor, Sepang, Hulu Langat, Gombak, Petaling, Kuala Langat dan Klang
3. Mahmeri	Kuala Langat, Klang dan Sepang

(Sumber: Jabatan Kemajuan Orang Asli, 2020)

Berdasarkan jadual di atas, suku kaum Semai menempati kawasan di daerah Hulu Selangor. Hulu Selangor merupakan salah sebuah daerah yang terbesar daripada sembilan buah daerah yang wujud di Selangor dan kedudukannya yang bersempadan dengan negeri Perak di sebelah utara dan negeri Pahang di sebelah timur (Majlis Daerah Hulu Selangor, 2020). Daerah ini banyak ditemukan masyarakat orang Asli berketurunan Temuan. Di sinilah wujudnya perkampungan masyarakat orang Asli berketurunan Semai yang menuturkan bahasa Semai, iaitu di perkampungan orang Asli di Kampung Serigala dan Kampung Changkat Bintang.

Setakat bancian tahun 2010, terdapat 74 buah perkampungan orang Asli yang diiktiraf berada di sekitar tujuh daerah di negeri Selangor, iaitu 16 buah kampung di daerah Hulu Selangor; 7 buah kampung di daerah Gombak; 5 buah kampung di daerah Petaling; 9 buah kampung di daerah Hulu Langat; 14 buah kampung di daerah Sepang; 20 buah kampung di daerah Kuala Langat dan 3 buah kampung di daerah Klang. Kedudukan perkampungan orang Asli ini kebanyakannya berada di kawasan pinggir negeri Selangor dan berstatus perkampungan yang sederhana. Klasifikasi kampung orang Asli di negeri ini dapat dilihat sebagaimana yang berikut:

**Jadual 1.3: Klasifikasi Kampung Orang Asli Di Selangor**

Kampung	Kedudukan Kampung				Klasifikasi Kampung	
	Bandar	Pinggir	Pedalaman	Maju	Sederhana	Mundur
74	4	70	-	6	62	6
	5.4%	94.6%	-	8.1%	83.7%	8.1%

(Sumber: Jabatan Kemajuan Orang Asli, 2016)

Ketua Batin di perkampungan orang Asli Serigala mengakui bahawa kewujudan kaum Semai di Hulu Selangor ini adalah berpunca daripada aktiviti migrasi akibat perkahwinan campur berlainan kaum yang diamalkan oleh

neneh moyang mereka dahulu. Oleh yang demikian, segelintir orang Asli Temuan yang berada di Hulu Selangor mempunyai kebolehan untuk bertutur dalam bahasa Semai. Mohd Sharifudin dan Alang Sabak (2018) turut menegaskan, suku kaum Temuan yang tinggal di sempadan Perak dan Selangor, seperti orang Asli di Kampung Serigala juga boleh berbahasa Semai. Malahan sebenarnya, golongan yang boleh berbahasa Semai itu merupakan suku kaum orang Asli Semai yang memang telah lama menetap di kawasan hujung dalam negeri Selangor yang bersempadan dengan negeri Perak.

Pada hakikatnya suku kaum Temuan ini tergolong dalam kumpulan Melayu Proto, manakala suku kaum Semai pula sebagai mana yang telah dinyatakan sebelum ini merupakan suku kaum dalam kumpulan Senoi yang memiliki dan bertutur dalam bahasa yang berbeza. Namun akibat daripada amalan perkahwinan campur antara suku kaum tersebut menyebabkan masyarakat orang Asli yang berada di Kampung Serigala dan Kampung Changkat Bintang memiliki kemahiran bertutur dalam bahasa Semai dan bahasa Temuan.

## 1.2 Pernyataan Masalah

Keperluan untuk melaksanakan kajian ini tercetus berdasarkan pendapat yang telah diutarakan oleh Mohd Sharifudin dan Alang Sabak (2018) yang berpendapat bahasa Semai yang digunakan dalam kalangan masyarakat orang Asli Semai di kawasan pedalaman tidak menerima pengaruh bahasa asing seperti bahasa India, Arab, Parsi, China, Inggeris dan sebagainya. Keadaan ini menyebabkan bahasa Semai tidak berkembang seperti bahasa Melayu dan mengalami banyak kekurangan dalam perbendaharaan kata. Sejarah dengan pandangan Dentan (2003) yang menyatakan bahawa bahasa Semai merupakan bahasa yang hidup, dan tidak mempunyai hubungan kedekatan dengan bahasa Melayu tetapi memperlihatkan banyak penggunaan perkataan bahasa Melayu dalam kosa kata bahasa Semai. Berangkat daripada pandangan tersebut, kajian ini perlu dilaksanakan bagi membuktikan pendapat Mohd Sharifudin dan Alang Sabak (2018) dan Dentan (2003) tersebut bahawa bahasa Semai banyak meminjam kosa kata daripada bahasa Melayu.

Kajian yang bersifat perbandingan bahasa khususnya dari segi ciri linguistik dan kosa kata perlu dilakukan bagi memperlihat sama ada bahasa Semai dan bahasa Melayu ini mempunyai hubungan kekerabatan antara satu sama lain. Memandangkan kedua-dua bahasa ini bukan terdiri daripada rumpun bahasa yang sama iaitu bahasa Melayu dari rumpun Austronesia, manakala bahasa Semai pula dari rumpun Austroasia (Asmah, 1993). Menurut Asmah, rumpun Austronesia atau “pulau-pulau selatan” merangkumi bahasa Melayu dan bahasa orang Asli seperti Jakun dan Temuan. Manakala rumpun Austroasia yang bermaksud “Asia Selatan” terdiri daripada bahasa-bahasa Cham dan Mon-Khmer yang merangkumi bahasa-bahasa di dataran Asia, bahagian selatan dan sebahagian besar bahasa orang Asli di Malaysia. Bahasa pertuturan daripada rumpun Austroasiatik ini banyak dipengaruhi oleh bahasa Thai dan bahasa Melayu juga boleh bertutur dalam bahasa Senoi, Temiar,

Semai, Jah Hut dan Semoq Beri. Perihal ini menunjukkan bahawa bahasa Semai dan bahasa Melayu bukan berada di bawah satu rumpun yang boleh menyebabkan persamaan dalam kosa katanya. Namun, berikutnya terdapat banyak perkataan dalam kosa kata bahasa Semai memperlihat kemiripan dan persamaan dengan perkataan dalam bahasa Melayu. Percampuran masyarakat orang Asli Semai dengan komuniti yang berada di sekeliling mereka telah mewujudkan aktiviti peminjaman kosa kata bahasa Melayu dan diserap masuk ke dalam bahasa Semai berdasarkan sistem bunyi bahasanya sendiri.

Phillips (2013) turut menegaskan sumber yang paling jelas untuk bahasa Semai meminjam perkataan daripada bahasa Melayu, memandangkan bahasa ini merupakan bahasa kebangsaan serta bahasa komunikasi utama. Bahasa Semai banyak meminjam kosa kata daripada bahasa Melayu bagi merujuk perkara atau entiti yang masih tiada istilahnya dalam bahasa mereka. Akibat kekurangan dari segi pembendaharaan kata dalam bahasa Semai telah menyebabkan bahasa ini melakukan proses peminjaman daripada bahasa yang lebih berprestij. Dalam konteks ini, bahasa Semai meminjam perkataan daripada bahasa Melayu yang berkedudukan sebagai bahasa kebangsaan. Hal ini dibuktikan berdasarkan kosa kata yang telah dikutip dalam kajian yang dilakukan oleh Phillips (2013) dan Mohd Sharifudin dan Alang Sabak (2018) memperlihatkan kebanyakannya perkataan bahasa Semai mempunyai persamaan atau kemiripan dengan bahasa Melayu.

Penelitian pengkaji terhadap kajian bahasa Semai yang telah dilakukan sebelum ini lebih tertumpu kepada bahasa Semai yang dituturkan oleh masyarakat orang Asli Semai yang berada di kawasan induk, iaitu di Perak dan Pahang. Namun, bahasa Semai juga sebenarnya dituturkan oleh masyarakat Semai yang berada terpisah di Hulu Selangor dan masih kurang mendapat perhatian daripada pengkaji bahasa. Bertitik tolak daripada permasalahan ini, pengkaji tertarik untuk mengkaji bahasa Semai yang digunakan oleh masyarakat Semai di kawasan tersebut kerana pastinya akan memperlihatkan kelainan dan perbezaannya. Dapatkan kajian Phillips (2013) menunjukkan setiap perkampungan orang Semai di Pahang dan Perak memiliki kepelbagainnya yang tersendiri menyebabkan bahasanya mempunyai keunikan yang tersendiri. Orang Semai sendiri menyedari perbezaan ini dan mengakui beberapa dialek Semai dituturkan di kawasan yang berbeza sukar untuk difahami oleh sebahagian masyarakat Semai itu sendiri.

Justeru itu, kajian ini perlu dijalankan bagi membuktikan kenyataan yang telah dinyatakan oleh Dentan (2003), Phillips (2013) dan Mohd Sharifudin dan Alang Sabak (2018) tersebut bahawa bahasa Semai banyak menggunakan kosa kata yang mempunyai persamaan atau kemiripan dengan bahasa Melayu dari segi bentuk perkataan, makna dan sebagainya. Bagi melihat keterkaitan atau hubungan antara bahasa Semai dengan bahasa Melayu ini boleh dibuktikan melalui kajian perbandingan linguistik yang meneliti sistem fonologi, kosa kata dan perubahan fonologi yang terlibat dalam kosa kata yang dipinjam daripada bahasa Melayu.

### **1.3 Objektif Kajian**

Objektif kajian ini adalah seperti yang berikut:

- i. Mengenal pasti ciri linguistik bahasa Semai.
- ii. Membandingkan kosa kata antara bahasa Semai dengan bahasa Melayu.
- iii. Menganalisis perubahan fonologi kosa kata bahasa Melayu dalam bahasa Semai.

### **1.4 Persoalan Kajian**

Persoalan kajian dalam melaksanakan kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Apakah ciri linguistik bahasa Semai yang boleh dikenal pasti?
- ii. Sejauh manakah kosa kata antara bahasa Semai dengan bahasa Melayu memperlihatkan persamaan dan perbezaan?
- iii. Bagaimanakah perubahan fonologi kosa kata bahasa Melayu dalam bahasa Semai?

### **1.5 Kepentingan Kajian**

Pelaksanaan kajian terhadap bahasa masyarakat Semai ini dapat mengetengahkan salah satu bahasa yang dituturkan oleh suku kaum orang Asli Senoi yang wujud di Selangor. Tambahan pula demografi masyarakat ini yang terpisah daripada kelompok induk yang menuturkan bahasa Semai yang lain membuatkan kajian ini menarik untuk dikaji. Memang tidak dinafikan bahawa kajian terhadap bahasa orang Asli khususnya yang meneliti bahasa bagi suku kaum Semai telah lama dilaksanakan oleh pengkaji bahasa yang terdahulu. Walau bagaimanapun, kajian seumpama ini masih perlu dikembangkan serta diperbanyak oleh pengkaji bahasa yang lain. Usaha pendokumentasian bahasa Semai hendaklah dilakukan sedalam dan seluas mungkin kerana sumber data korpusnya masih ada dalam kalangan penutur natifnya.

Kajian ini juga penting untuk mendokumentasikan kosa kata bahasa Semai yang berada terpisah daripada kelompok induknya di negeri Perak dan Pahang. Dapatkan kajian ini dapat menonjolkan sama ada wujudnya kelainan dari segi sebutan dan kosa kata yang direpresentasi oleh masyarakat di kawasan kajian. Pendokumentasian terhadap bahasa Semai yang dituturkan oleh suku kaum Semai di titik kajian sekali gus dapat melestarikan bahasa yang dianggap sebagai salah satu bahasa minoriti di kawasan Hulu Selangor. Bahasa masyarakat minoriti menghadapi cabaran yang serius, iaitu bahasa etniknya tidak memiliki sistem tulisan atau sistem tulisan yang sedia ada tidak lagi sesuai dengan bahasa tersebut. Sejajar dengan sifat bahasa Semai yang

juga tidak memiliki sistem tulisan dan hanya digunakan sebagai bahasa lisan bagi masyarakat orang Asli berketurunan Semai di negeri Perak, Pahang dan sebahagian kecil di negeri Selangor.

Penyelidikan mengenai bahasa-bahasa orang Asli di seluruh dunia sebenarnya merupakan suatu usaha bagi menyelamatkan bahasa tersebut daripada diancam pupus. Hal ini kerana selain dapat mengungkapkan keunikan bahasa Semai yang dituturkan oleh masyarakat di kawasan kajian, secara tidak langsung pengkaji dapat membandingkan sebutan dan kosa kata yang digunakan dengan bahasa Melayu. Kajian ini kelak dapat memperlihatkan kedekatan mahupun kejauhan bahasa Semai di Hulu Selangor berbanding bahasa Melayu. Melalui dapatan kajian ini boleh dijadikan sebagai salah satu bahan rujukan dan panduan kepada pengkaji bahasa Semai yang akan datang khususnya kepada kajian kosa kata bahasa Semai. Perihal ini kerana kajian ini dapat memperlihatkan bahasa Semai di kawasan kajian sama ada masih mengekalkan bentuk asli atau sebaliknya kesan daripada pertembungan dengan bahasa Melayu yang lebih dominan.

Dokumentasi ini juga dilakukan sebagai salah satu medium rujukan bahasa orang Asli Semai khususnya kepada pengkaji-pengkaji bahasa yang berminat untuk mendalami dan mengkaji bahasa tersebut. Penambahan kosa ilmu dalam kajian bahasa Semai yang meneliti perbandingan linguistik bahasa Semai di kawasan kajian dengan bahasa Melayu memandangkan bahasa yang digunakan di kawasan kajian kurang mendapat perhatian pengkaji bahasa berbanding dengan bahasa Semai di kawasan induknya. Lantaran kajian yang bersifat linguistik perbandingan kurang dilakukan oleh pengkaji bahasa khususnya dalam membincangkan perubahan kosa kata bahasa Semai yang dipinjam daripada bahasa Melayu. Variasi fonologi kata pinjaman bahasa Melayu yang dituturkan oleh masyarakat orang Asli Semai telah memperlihatkan kelainannya dengan bahasa Melayu. Proses perubahan fonologi bagi sebutan kosa kata yang direpresentasikan oleh penutur natif Semai memperlihatkan perbezaan dengan bahasa Melayu ini mengalami beberapa proses dan rumus fonologi yang berbeza-beberbeza. Justeru dengan wujudnya kajian yang seumpama ini diharapkan dapat menyediakan wadah ilmu kepada pengkaji-pengkaji bahasa Semai yang akan datang.

## **1.6 Batasan Kajian**

Kajian yang dilaksanakan ini hanya memfokuskan kajian perbandingan linguistik antara bahasa Semai dengan bahasa Melayu. Penelitian terhadap sistem fonologi dan kosa kata dalam bahasa Semai yang digunakan di Kampung Serigala dan Kampung Changkat Bintang yang terletak di Hulu Selangor. Pengkaji juga menjadikan masyarakat orang Asli Semai yang menetap di perkampungan orang Asli di, Hulu Selangor sebagai informan dalam kajian ini kerana menurut Batin Kampung Serigala, bahasa Semai yang digunakan di kedua-dua kampung memperlihatkan persamaan dan saling difahami. Seramai 10 orang informan sahaja yang terlibat dalam proses

pengumpulan kosa kata bahasa Semai. Informan yang dipilih terdiri daripada lima orang penutur dari Kampung Serigala dan lima orang penutur dari kampung Changkat Bintang ini melibatkan informan lelaki dan perempuan yang berusia dalam lingkungan umur 40 tahun dan ke atas. Selanjutnya, kajian ini hanya mengkaji bahasa Semai yang dituturkan oleh masyarakat Semai di kawasan kajian ini sahaja dan tidak menyentuh kepada bahasa Temuan yang juga banyak dikuasai oleh masyarakat di sana.

Berikutnya masyarakat orang Asli di kawasan kajian ada kalanya sukar untuk didekati, apabila didekati oleh pengkaji, mereka melarikan diri, menyorok di sebalik pintu dan sebagainya. Kelakuan mereka ini menurut Batin di kawasan kajian menunjukkan mereka tidak bersedia untuk menjadi informan, mahupun ditemu bual. Keadaan ini dapat dilihat oleh pengkaji sendiri semasa di kawasan kajian daripada cara tindakan mereka yang terus masuk ke dalam rumah dan menutup pintu rumah mereka. Ada juga antara mereka yang tiada di rumah disebabkan pada hari lawatan pengkaji ke kawasan kajian, mereka berada di luar kawasan atas urusan kerja dan hal keluarga. Justeru, pemilihan informan adalah minimum untuk tujuan kajian ini.

Penglibatan pegawai serta kakitangan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) daerah Hulu Selangor hanya sebagai penyalur maklumat dalam kajian ini. Pihak JAKOA juga bertindak sebagai pemudah cara dalam urusan permohonan memasuki perkampungan orang Asli bagi tujuan membuat penyelidikan bahasa kaum tersebut. Penglibatan JAKOA ini kerana pihak ini terlibat secara langsung dengan hal ehwal masyarakat orang Asli dan dapat bertindak sebagai pemberi kebenaran kepada pengkaji untuk memasuki kawasan kajian melalui saluran yang betul. Pihak ini juga hanya bertindak sebagai penyalur maklumat penting yang berkaitan dengan masyarakat di kawasan kajian kepada pengkaji semasa di kawasan kajian.

Kajian ini juga hanya menggunakan sebanyak 382 kosa kata terdiri daripada 207 daftar kata Swadesh dengan penambahan sebanyak 175 kata bertema yang melibatkan bentuk kata yang sering digunakan dalam bahasa Semai. Penambahan kosa kata bertema dalam senarai kosa kata yang dibandingkan bagi memperlihat bentuk kata dalam bahasa Semai yang menonjolkan persamaan atau kemiripan dengan bahasa Melayu. Sebutan kata yang telah dikumpul dan dirakam melalui perakam suara bagi merakam suara informan ketika sesi temu bual dijalankan. Sebutan kosa kata yang diperoleh daripada informan kajian ditranskripsikan dengan menggunakan tulisan *International Phonetic Alphabet* (IPA). Hal ini bertujuan untuk mendapatkan ketepatan pada bunyi sama seperti yang disebut oleh informan.

Seterusnya, data tersebut dianalisis dengan menggunakan kaedah leksikostatistik untuk membandingkan kosa kata bahasa Semai dengan bahasa Melayu bagi memperlihatkan kemiripan dan kelainan yang wujud bagi kedua-dua bahasa tersebut. Kajian ini juga menerapkan Teori Fonologi Generatif untuk menganalisis proses fonologi kosa kata pinjaman bahasa

Melayu yang direpresentasikan oleh penutur natif bahasa Semai. Kosa kata yang dianalisis memperlihatkan kemiripan sama ada dari segi sebutan, keserupaan bentuk dan berkemungkinan merupakan perkataan yang berasal daripada bahasa Melayu yang dituturkan oleh masyarakat Semai di daerah Hulu Selangor, Selangor. Data yang dianalisis ini hanya menggunakan data kosa kata yang dituturkan oleh masyarakat Semai di dua buah perkampungan orang Asli sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini.

## 1.7 Definisi Operasional

Dalam kajian ini, terdapat tiga definisi operasional, iaitu perbandingan bahasa, bahasa Semai dan bahasa Melayu . Istilah-istilah ini penting untuk difahami kerana dapat memudahkan proses pemahaman terhadap kajian ini. Dalam bahagian ini, definisi-definisi umum diberikan, seterusnya pengkaji perlu menetapkan definisi khusus bagi setiap istilah tersebut. Antara istilah yang akan diberikan definisinya, ialah:

### 1.7.1 Perbandingan Bahasa

Perbandingan bahasa merujuk kepada bidang yang meneliti data daripada suatu bahasa atau lebih yang melibatkan jarak waktu sekurang-kurangnya dua tempoh masa. Penentuan kekerabatan bahasa-bahasa yang dibandingkan boleh dilakukan dengan membandingkan ciri linguistiknya seperti dari segi fonologi dan morfologi. Kosa kata dasar menjadi asas kepada perbandingan linguistik dalam kajian ini. Penelitian dibuat dengan membandingkan kosa kata dasar yang dikumpulkan melalui kajian lapangan di kawasan kajian. Sebutan kosa kata yang diperolehi daripada penutur bahasa Semai tersebut merupakan sumber data primer yang diteliti dalam kajian ini. Perbandingan kosa kata merujuk kepada usaha untuk meneliti persamaan dan perbezaan yang terdapat dalam kosa kata antara dua bahasa yang dibandingkan. Istilah kosa kata merujuk kepada senarai perbendaharaan kata yang terdapat dalam suatu bahasa atau dialek Melayu.

Kosa kata juga dikenali dengan istilah leksikal yang ditakrifkan sebagai fungsi perkataan atau perbendaharaan kata dalam sesuatu bahasa (Santrol, 2016). Manakala, Mohd Sharifudin dan Alang Sabak (2018) pula menggunakan istilah daftar kata dalam usaha mendokumentasikan bahasa Semai. Kosa kata yang sering digunakan dalam kajian bahasa adalah berdasarkan kosa kata dasar Morris Swadesh. Selain itu, sering kali pengkaji bahasa membuat penambahan kosa kata bertema seperti kata sapaan keluarga, anggota tubuh badan, peralatan rumah tangga, bentuk muka bumi, alam fauna, binaan rumah, perlakuan dan perasaan serta alam flora dan fauna dalam pengumpulan kosa kata suatu bahasa. Kosa kata dalam suatu bahasa atau dialek boleh terdiri daripada kosa kata yang terdapat dalam bahasa itu sendiri dan boleh juga terdiri daripada kosa kata yang dipinjam daripada bahasa yang lain. Zaharani

Ahmad, Nor Hashimah dan Nor Faizah (2011) mengklasifikasikan kosa kata kepada dua, iaitu kata asli atau natif dan kata pinjaman.

Dalam usaha pengumpulan kosa kata dalam bahasa yang diselidiki, padanan kata dalam bahasa yang lain digunakan sebagai panduan bagi pengkaji. Sebagai contoh, kosa kata yang digunakan dalam kajian ini memanfaatkan senarai kosa kata dasar Swadesh yang berjumlah 207 kata dengan penambahan kosa kata dasar yang berjumlah 175 kata bertema yang digunakan oleh masyarakat orang Asli Semai di kawasan kajian. Dalam proses pengumpulan kosa kata di kawasan kajian, setiap kata yang direpresentasikan oleh penutur akan terus ditranskripsikan ke dalam bentuk fonetiknya berdasarkan *International Phonetic Alphabet* (IPA). Hal ini bagi memastikan sebutan yang dilafazkan oleh informan kajian dapat dizahirkan dalam bentuk tulisan dengan lebih tepat. Melalui transkripsi secara terus ini dapat mengelakkan berlakunya kesilapan dalam menentukan bentuk sebenar sesuatu kata yang telah diujarkan oleh penutur natif suatu bahasa atau dialek.

### **1.7.2 Bahasa Semai**

Bahasa Semai merupakan bahasa natif atau bahasa turunan orang Asli yang berketurunan suku kaum Semai di Semenanjung Malaysia. Suku kaum Semai dirincikan oleh Jabatan kemajuan Orang Asli (JAKOA, 2018) tinggal bertaburan di kawasan Banjaran Titiwangsa, yang meliputi kawasan di Perak Tengah, Perak Selatan dan Pahang Barat dan merupakan suku kaum orang Asli yang terbesar jumlahnya menuturkan bahasa Semai. Bahasa Semai sama sahaja seperti kebanyakan bahasa atau dialek Melayu yang berfungsi sebagai salah satu medium berkomunikasi dalam kalangan kaum Semai. Penutur bahasa Semai menggunakan bahasa Semai sebagai bahasa pertama mereka dan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua untuk berinteraksi dengan masyarakat arus perdana yang lain. Bahasa ini tergolong dalam rumpun bahasa Austroasia yang menurunkan bahasa-bahasa Cham dan Mon-Khmer dan sebahagian besar bahasa-bahasa orang Asli di Malaysia. Hubungan kedekatan antara bahasa Semai dengan bahasa-bahasa Mon dan Nikobar memperlihatkan bahawa bahasa ini mengekalkan ciri dua atau lebih suku kata yang kebanyakannya telah lenyap dalam kebanyakan bahasa Mon-Khmer di Asia Tenggara.

Bahasa Semai ini juga sebenarnya digunakan oleh satu kelompok orang Asli yang tinggal menetap di perkampungan orang Asli di Kampung Serigala dan Kampung Changkat Bintang yang terletak di Hulu Selangor. Demografi komuniti ini dikatakan terpisah daripada kelompok induk masyarakat Semai yang menuturkan bahasa tersebut. Bahasa Semai merupakan bahasa yang dituturkan oleh kaum orang Asli Semai yang berada di perkampungan orang Asli seperti di negeri Perak; Tapah, Parit, Batang Padang, Behrang Ulu, Gorang, Kampar, Redang Punggor, Perak Selatan dan di Pos Gedong. Selain di negeri Perak, bahasa Semai juga dituturkan oleh masyarakat Semai yang berada di Pahang iaitu di Kuala Lipis dan Tanah Rata. Bahasa yang

dipertuturkan oleh kelompok yang berada terpisah dengan kelompok induk pastinya memperlihatkan sedikit kelainan dari segi sebutan, lengkok bahasa itu sendiri, kedekatan bahasa tersebut dengan bahasa Melayu dan mungkin memperlihatkan kelainan dari segi kosa kata dan fonologi bagi kata pinjaman bahasa Melayu yang dituturkan oleh masyarakat Semai di titik kajian. Memandangkan kedua-dua bahasa ini bukanlah berada dalam rumpun bahasa yang sama tetapi memperlihatkan kemiripan kosa kata dalam bahasa Semai dengan bahasa Melayu.

### **1.7.3 Bahasa Melayu**

Bahasa Melayu merupakan bahasa yang berada dibawah rumpun bahasa Austronesia yang telah diangkat menjadi bahasa rasmi yang digunakan di Malaysia. Bahasa ini bukan sahaja dituturkan oleh penutur yang berbangsa Melayu, bahkan juga dituturkan oleh masyarakat lain yang berbilang etnik dan bangsa sebagai salah satu medium komunikasi. Keupayaan dan kebolehan menguasai bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat orang Asli yang berada di Semenanjung Malaysia telah menjadikan bahasa ini sebagai bahasa yang dipelajari sebagai bahasa kedua. Bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa untuk berinteraksi dengan masyarakat luar dalam kehidupan seharian mereka apabila berada diluar kelompok kaum orang Asli. Masyarakat orang Asli menggunakan bahasa Melayu sebagai salah satu bahasa untuk berkomunikasi dengan masyarakat arus perdana bagi meneruskan kelangsungan dalam komunikasi dan mengurangkan jurang ketidak saling fahaman berlaku.

## **1.8 Kesimpulan**

Bab ini telah membincangkan latar belakang masyarakat orang Asli di Semenanjung Malaysia dan menghuraikan pengklasifikasi setiap kelompok utama orang Asli. Selain itu, pengkaji juga menjelaskan suku kaum Semai yang tergolong dalam kumpulan orang Asli yang terbesar, iaitu Senoi. Keberadaan masyarakat orang Asli Semai turut dirincikan dalam perbincangan ini yang hanya minoriti wujud di Hulu Selangor. Seterusnya pengkaji membincangkan permasalahan kajian yang menjadi pemangkin kepada kewujudan kajian perbandingan bahasa antara bahasa Semai dengan bahasa Melayu. Perbincangan pada bahagian objektif, persoalan, kepentingan kajian, batasan kajian serta definisi operasional dalam kajian bertindak sebagai batu aras kepada kajian ini bagi menjamin kajian ini lebih terarah. Oleh yang demikian, diharapkan kajian bahasa Semai ini dapat membuka lembaran baharu dalam memberikan nilai tambah kepada kosa kasa bahasa Semai yang dituturkan oleh masyarakat yang tinggal secara terpisah daripada kelompok induknya di negeri Perak dan Pahang.

## BIBLIOGRAFI

- Abdullah Hassan. (2007). *Linguistik Am*. Kuala Lumpur: PTS Profesional.
- Abu Hassan Abdul & Mohd. Rasdi Saamah. (2012). Unsur Haiwan dalam Peribahasa Masyarakat Asli Suku Kaum Semai. *Jurnal Bahasa dan Sastera Melayu*, (3): 1-19.
- Adi Yasran Abdul Aziz, Raja Masittah Raja Ariffin, Mohd Sharifudin & Nur Farahkhanna Mohd Rusli. (2014). Pengglotisan Geseran /s/ dalam bahasa Kerinci. *GEMA Online® Jurnal of Language Studies*, 14 (3): 225-242.
- Adi Yasran Abdul Aziz. (2005a). Inventori konsonan dialek Melayu Kelantan: satu penilaian semula. *Jurnal Pengajian Melayu*, 16: 200-217.
- Adi Yasran Abdul Aziz. (2005b). *Aspek Fonologi Dialek Kelantan: Satu Analisis Teori Optimaliti*. Tesis PhD. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Alias Abd Ghani. (2015). Revitalizing the Indigenous Semai Orang Asli Language in Malaysia. *First Asia Pacific Conference on Advanced Research*. Adelaide: South Australia.
- Asmah Haji Omar. (1991). *Aspek bahasa dan kajiannya: Kumpulan Siri Ceramah Peristilahan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1993). *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2008). *Kaedah Penyelidikan Bahasa di Lapangan*. (Edisi Kedua). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. Linguistik deskriptif dan tradisi lisan. *Seminar Pusat Pengumpulan, Pengajaran dan Penggunaan Tradisi*. Universiti Malaya. 29-31 Mac 1973.
- Carey. (1976). *Orang Asli the Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Chambers, J. K. & Trudgill, P. (1990). *Dialektologi*. Annuar Ayub (Pnyt). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chomsky, Noam & Halle, Morris. (1968). *The Sound Pattern of English*. New York
- Chomsky, Noam. (1965). *Aspects of the theory of Syntax*. Cambridge: Massachusetts Institute of Technology.

- Chua, Y. P. (2011). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: Mcgraw-Hill Education.
- Creswell, J. W. (1994). *Research Design, Qualitative & Quantitative Approaches*. Thousand Oaks: Sage.
- Dentan, R. K. (1968). *The Semai: A Nonviolent People of Malaya*. London: Holt, Rinehart and Winston.
- Dentan, R. K. (2003). *Preliminary field notes on the Semai language*. T. Doyle (Pnyt). Diperoleh dari <https://docplayer.net/66046962>. (Diakses pada 30 Disember 2018).
- Diffloth, G. (1977). Towards a history of Mon-Khmer: Proto-Semai vowels. *South East Asian Studies*, 14 (4): 463-495.
- Esther Florence Boucher-Yip. (2004). *Language Maintenance and Shift in One Semai Community in Peninsular Malaysia*. Phd Thesis. University of Leicester.
- Farida Meliana Hutabarat, Ermanto & Novia Juita (2013). Kekerabatan bahasa Batak Toba dengan bahasa Batak Mandailing. *Jurnal Bahasa dan Sastra*. Vol. 2 (1): 1-13.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Khairul Faiz Alimi. (2014). Analisis deskriptif terhadap struktur frasa kerja bahasa Mendriq. *Jurnal Bahasa*, Jilid 14 (2): 169-191.
- Fishman, J. A. (1989). *Language and Ethnicity in Minority Sociolinguistic Perspective*. Clevedon: Multilingual Matters Ltd.
- Gudschinsky, Sarah C. (1956). The ABC's of Lexicostatistics (Glottochronology). *Word*. 12: 175-210.
- Indirawati Zahid & Mardian Shah Omar. (2006). *Fonetik dan Fonologi*. Kuala Lumpur: PTS Profesional.
- Irma Diani & Azwandi. (2021). Phonological change processes of English and Indonesian language. *Journal of Applied Linguistics and Literature*, 6 (1): 133-148.
- Izzad Ramli, Nursuriati Jamil, Noroani Seman & Norizah Ardi. (2015). An Improved Syllabification for a Better Malay Language Text-to-Speech Synthesis (TTS). *Procedia Computer Science*, 76: 417-424.
- JAKOA. (2011). *Taburan dan Demografi Orang Asli di Malaysia*. Jabatan Kemajuan Orang Asli. Diperoleh dari <https://www.selangor.gov.my/>. (Diakses pada 04 Februari 2023).

- JAKOA. (2014). *Bilangan Kampung dan Penduduk orang Asli Mengikut Negeri*. Jabatan Kemajuan Orang Asli. Diperoleh dari <http://www.rurallink.gov.my/>. (Diakses pada 20 Februari 2018).
- JAKOA. (2015). *Peta Kawasan Penempatan orang Asli Suku Kaum Senoi*. Jabatan Kemajuan Orang Asli.
- JAKOA. (2016). *Pelan Strategik Jabatan Kemajuan Orang Asli 2016-2020*. Jabatan Kemajuan Orang Asli. Diperoleh dari <https://www.jakoa.gov.my/wp-content/uploads/2022/03/pelan-strategik-JAKOA.pdf>. (Diakses pada 06 Februari 2023).
- JAKOA. (2018). *Akta orang Asli 1954*. Jabatan Kemajuan Orang Asli.
- JAKOA. (2018). *Orang Asli*. Jabatan Kemajuan Orang Asli. Diperoleh dari <https://www.jakoa.gov.my/orang-asli/>. (Diakses pada 16 Mac 2023).
- Jasmin Badrudin, Mohammad Nur Latif & Shahidi Abdul Hamid. (2014). Fonologi bahasa Kantuk: kekerabatan dan keeratannya dengan bahasa Iban dan dialek Melayu Semenanjung. *GEOGRAFIA Online. Malaysian Journal of Society and Space*, 1: 94-100.
- JKKN. (2020). *Masyarakat orang Asli*. Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara. Diperoleh dari <http://www.jkkn.gov.my/ms/masyarakat-orang-asli/>. (Diakses pada 16 Mac 2021).
- Kamarul Azmi Jasmi. Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif. Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 anjuran Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim, Johor. Puteri Resort Melaka. 28-29 Mac 2012.
- Keraf, Groys. (1984). *Linguistik Bandingan Historis*. Jakarta: PT Gramedia.
- Khairul Faiz Alimi & Tajul Aripin Kassin. (2018). Proses penengahan vokal rendah /a/ dalam lagu Melayu Asli. *Jurnal Linguistik*, 22 (1): 49-61.
- Lapoliwa, Hans. (1988). *Pengantar Fonologi I: Fonetik*. Jakarta: Departeman Pendidikan dan Kebudayaan.
- M. Yunus Maris. (1980). *The Malay Sound System*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Malaysia, Jabatan Peguam Negara. (2006). *Akta Orang Asli 1954*. Malaysia: Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang dan Percetakan Nasional Malaysia Bhd.
- Masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Diperoleh dari [https://id.wikipedia.org/wiki/Orang\\_Aslı](https://id.wikipedia.org/wiki/Orang_Aslı). (Diakses pada 23 Disember 2021).

- MDHS. (2020). *Info Hulu Selangor*. Majlis Daerah Hulu Selangor. Diperoleh dari <https://www.mdhs.gov.my/ms/pelawat/info-hulu-selangor>. (Diakses pada 16 Mac 2021).
- Minah Sintian. (2017). *Variasi Leksikal dalam Dialek Keluarga Dusun di Sabah*. Tesis PhD. Universiti Putra Malaysia.
- Mohamad Rozi Kasim. (2022). Rekonstruksi fonologi vokal bahasa Jakun: Suatu analisis diakronik dengan bahasa Melayu Purba. *Jurnal Bahasa*, 22(2): 173-204.
- Mohamad Rozi Kasim & Sans Venivekia Sinjon. (2022). Proses fonologi bahasa Rungus di Sabah: Satu tinjauan awal di Kampung Kandang Pintas, Sabah. *Borneo International Journal*, 5(3): 8-13.
- Mohamad Rozi Kasim. (2020). Kepentingan variasi fonologi kata pinjaman bahasa Melayu yang dituturkan oleh orang Asli Jakun kepada kajian linguistik Melayu: Analisis fonologi atur rumus. *Jurnal Bahasa*, 20 (1): 131-150.
- Mohamad Sofee Razak. (2011). Pembangunan orang Asli di Malaysia. Diperoleh dari <http://mohamadsofee.blogspot.my>. (Diakses pada 27 Mei 2017).
- Mohammad Fadzeli Jaafar, Norsimah Mat Awal & Idris Aman. (2012). Sikap dan Kefahaman Pelajar Terhadap Dialek Negeri Sembilan: Kajian Sosiolinguistik. *GEMA Online<sup>TM</sup>*. *Journal of Language Studies*, 12(4): 1193-1211.
- Mohd Izzuddin Ramli. (2010). Orang Asli di Malaysia: konflik dan masa depan. *Persidangan Mahasiswa Malaysia-Indonesia*. Universitas Airlangga, Surabaya, Indonesia. 20 Mei 2010.
- Mohd Khairil Abdul Wahab. (2022). Pengelompokan bahasa Melayu dengan bahasa Banjar dalam salasilah hipotetikal bahasa: Kajian perbandingan leksikostatistik. *Jurnal Bahasa*, 21(1): 1-21.
- Mohd Mizan Mohammad Aslam & Shuhairimi Abdullah. Pembentukan nilai-nilai murni masyarakat Semai melalui konsep pandang dunia (*world view*): satu analisis awal. *Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modernisme (SIVIC 2004)*. Langkawi. 4-6 September 2004.
- Mohd Rasdi Saamah. (2011). Alam dan budaya dalam bahasa kiasan bahasa Semai. *Seminar Penyelidikan 2011 Zon Timur*. IPG Kampus Sultan Mizan, Besut, Terengganu. 10-12 Mei 2011.
- Mohd Ridzuan Abu Hassan. (2019, Februari 21). Lagenda Kampung Serigala. *Sinar Harian*. Diperoleh dari <https://www.sinarharian.com.my>. (Diakses pada 25 Mei 2021).

- Mohd Shaffie Abu Bakar.(1991). *Metodologi Penyelidikan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Sharifudin Yusop & Alang Sabak. (2018). *Sari Budaya dan Bahasa Suku Semai*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Sharifudin Yusop. (2007). *Keusangan Bahasa orang Melayu Orang Proto: Kajian Sosiologi Bahasa terhadap Dialek Duano dan Dialek Kanaq di Johor*. Tesis Phd. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Sharifudin Yusop. (2011). *Daftar Kata Bahasa Melayu-Bahasa Orang Asli: Melayu/Senoi*. Siri 3. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Orang Asli.
- Mohd Syukri Anwar & Sharifah Raihan Syed Jaafar. (2021). Perilaku fonologi schwa dalam dialek Minangkabau di Semenanjung Malaysia. *Jurnal Bahasa*, 21 (1): 1-22.
- Mohd Tarmizi Hasrah, Shahidi A. H. & Rahim Aman. (2013). Inovasi dan Retensi dalam Dialek Hulu Tembeling. *Gema Online® Journal of Language Studies*, 13(3): 211-222.
- Mohd Tarmizi Hasrah. (2020). Nasal homorganik dalam dialek Melayu Semenanjung. *International Journal Humanities Technology and Civilization (IJHTC)*, 9(1): 1-23.
- Morrish Swadesh. (1950). Salish Internal Relationships. *International Journal of American Linguistik*, 16: 157-167.
- Noor Azureen Hamid @ Ahmed & Tajul Aripin Kassin. (2013). Analisis fonologi autosegmental dalam proses penyebaran fitur geluncuran dialek Melayu Saribas. *Jurnal Bahasa*, 13 (2) : 217-242.
- Noriah Mohamed & Hamidah Abdul Wahab. (2004). Tingkat Kekerabatan Bahasa Bidayuh di Sarawak. *Jurnal Bahasa*, 4 (3): 452-483.
- Noriah Mohamed & Rohani Mohd Yusof. (2011). *Pengelompokan Leksikostatistik Bahasa-Bahasa Peribumi di Sarawak*. Pulau Pinang. Universiti Sains Malaysia.
- Noriah Mohamed. (2001). Perbandingan kuantitatif bahasa Miri dengan bahasa Melayu. *Jurnal Bahasa*, 1 (3): 378-397.
- Nur Faizah Md Adam & Mohd Sharifudin Yusop. (2014). Pemilihan bahasa masyarakat Jahut di Pahang. *Journal of Human Development and Communication*, 3: 141-161.
- Nur Faizah Md Adam. (2018). *Pelestarian Bahasa Kensiu di Kampung Lubuk Legong, Kedah, Malaysia*. Tesis Phd. Universiti Putra Malaysia.

- Nur Farahkahnna Mohd Rusli, Adi Yasran Abdul Aziz, Raja Masittah Raja Ariffin, Mohd Sharifudin Yusop & Saidatul Faiqah Samasu. (2015). Derivasi rumus reduksi vokal dan pembentukan glotis dalam bahasa Kerinci. *GEMA Online® Jurnal of Language Studies*, 15(3): 83-97.
- Nur Farahkhnna Mohd Rusli. (2019). Debukalisasi dan asimilasi fitur dalam bahasa Kerinci: analisis teori autosegmental. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 10: 134-150.
- Nur Fathiha Asyikin Baharin, Rohani Mohd Yusof & Noor Hasnoor Mohamad Nor. (2021). Perubahan fonologi dalam bahasa Duano dan bahasa Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu / Journal of Malay Studies (JOMAS)*, 32 (2): 112-133.
- Nur Syazwani Salam & Sharifah Raihan Syed Jaafar. (2019). Perilaku fonologi konsonan di akhir kata dialek Petani Sik. *Journal of Nusantara Studies (JONUS)*, 4(1): 316-343.
- Nurul Hardeah Ahmad Sukiman. (03 Mac 2019). Bahasa Melayu bahasa rakyat Malaysia. *Sinar Harian*. Diperoleh dari <https://www.sinarharian.com.my/article/15938/khas/pendapat/bahasa-melayu-bahasa-rakyat-malaysia>. (Diakses pada 09 Disember 2022).
- Othman Lebar. (2007). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan kepada Teori dan Metod*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Phillips, Timothy C. (2007). A Brief Phonology of Semai Betau Dialect. In Chong Shin, Karim Harun & Yabit Alias (Ed.), *Reflections in Southeast Asian Seas. Essays in Honour of Professor James T. Collins (Book II)*. Puntianak: STAIN Puntianak Press.
- Phillips, Timothy C. (2013). Lingusitic comparison of Semai dialects. *Journal of Language Survey Reports*. SIL Electronic Surver Reports 2013-010.
- PKNS. (2019). *Sejarah Negeri Selangor*. Portal Kerajaan Negeri Selangor. Diperoleh dari <https://www.selangor.gov.my/index.php/pages/view/>. (Diakses pada 04 Februari 2023).
- Pujiati Suraya. (1999). Dari leksikostatistik ke glotokronologi: Analisis sembilan bahasa di Indonesia. *Jurnal Humaniora*, IV (10): 69-75.
- Raja Masittah Raja Ariffin. 1988. Teori Tatabahasa Transformasi-Generatif: sejarah perkembangan sepintas lalu. *Jurnal Dewan Bahasa*, Februari: 96-110.
- Rendi Rismanto. (2012). Kekerabatan kosa kata bahasa Sunda dengan bahasa Melayu Betawi di Kota Tangerang Selatan: kajian linguistik historis komparatif. Fakultas Ilmu Budaya. Universitas Padjadjaran.

- Roca, I. & Johnson, W. (1999). *A Course in Phonology*. United State of America: Blackwell Publisher Inc.
- Rohani Mohd Yusof & Noor Hasnoor Mohamad Nor. Kertas kerja yang dibentangkan di Persidangan Kearifan Tempatan (RCLK). *Bahasa Orang Asli Melayu-Proto: bahasa atau dialek Melayu?*. Sarawak. 12-13 Oktober 2014.
- Rohani Mohd Yusof. (2016). *Bahasa Melayu Urak Lawoi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rohani Mohd Yusof. *Situasi bahasa Urak Lawoi di Pulau Adang, Thailand*. Kertas kerja yang dibentang di Konferensi Internasional Masyarakat Linguistik Indonesia (KIMLI), Indonesia. 5-7 November 2009.
- Rozmi Ismail. (2016). *Metodologi Penyelidikan Teori dan Praktis*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sa'adiah Ma'alip & Teo Kok Seong. (2016). Penggunaan bahasa Orang Asli Che Wong di Kuala Gandah. *GEOGRAFIA Online Malaysia Journal of Society and Space*, 12(11): 62-78.
- Sa'adiah Ma'alip. (2019). Tahap keterancaman bahasa masyarakat Kreol di Melaka. *AKADEMIKA Journal of Southeast Asia Social Sciences*, 89 (Issu Khas): 109-123.
- Saidatun Nafisah. (2017). Proses fonologi dan pengkaidahannya dalam kajian fonologi generatif. *DEIKSIS*, 9(01): 70-78.
- Sakinah Nik Muhamad Naziman & Sharifah Raihan Syed Jaafar. (2018). Adaptasi konsonan dalam kata pinjaman bahasa Inggeris dalam dialek Kelantan. *Jurnal Melayu*, 17(1): 31-48.
- Samarin, William J. (1993). *Linguistik Lapangan, Panduan Kerja Lapangan Linguistik*. Kamaruzaman Mahayiddin dan Zahrah Abd. Ghafur (penterj.) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Samsur Rijal Yahya. (2015). Analisis modaliti acuan semiotik sosial pertuturan masyarakat Seletar. *Jurnal Pendidikan bahasa Melayu*, 5(1): 30-34.
- Santrol Abdullah. (2016). *Etnolinguistik Bahasa Vaie di Sarawak, Malaysia*. Tesis Phd: Universiti Putra Malaysia.
- Schane, Sanford A. (1973). *Generative Phonology*. Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice-Hall.
- Sharifah Raihan Syed Jaafar. (2012). Kekangan Penggabungan Nasal-Obstruen Letupan Bersuara dalam Bahasa Melayu Standard. *Jurnal Bahasa*, 12(1): 20-40.

Suwilai Premsrisat & Dennis Malone. *Language development and language revitalization in Asia*. Conference paper on language development, language revitalization and multilingual education in minority communities in Asia, Bangkok. November 2003. Diperoleh dari <https://www.sil.org>. (Diakses pada 22 Mac 2019).

Syed Azwan Syed Ali. (2010). Masyarakat Orang Asli Hulu Selangor mahu masalah tanah diselesaikan. *Bernama*. Diperoleh dari <http://kklw.bernama.com/news>. (Diakses 5 November 2015).

Vengadesan, Martin. (2019, April 16). Bahasa orang Asli diancam kepupusan. *Malaysia Kini*. Diperoleh dari <https://www.malaysiakini.com/hiburan>. (Diakses pada 12 Disember 2022).

Yusniza Yaakub, Faizah Ahmad & Nasariah Mansor. (2011). *Evolusi bahasa dalam kalangan masyarakat Semai: suatu kajian kes di Kampung Sungai Ruil, Cameron Highland*. Seminar Mempertahankan Negara ke-2. Second Seminar on National Resilience (SNAR II). Kuala Lumpur: Hotel Seri Pacific. 18-19 Oktober.

Zaharani Ahmad. (1993). *Fonologi Generatif: Teori dan Penerapan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zaharani Ahmad & Teoh Boon Seong. (2006). *Fonologi Autosegmental: penerapannya pada Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zaharani Ahmad, Nor Hashimah Jalaluddin & Nor Faizah Muhamad Mislan. (2011). Fonologi kata pinjaman Sanskrit dan Teori Optimaliti. *Jurnal Linguistik*, 12 (Edisi Khas): 1-22.

Zainal Abiddin Masleh. (2011). *Kajian Etnolinguistik Terhadap Kelestarian Bahasa Bhuket dan Bahasa Lahanan di Daerah Belaga, Sarawak*. Tesis Phd. Serdang Selangor: Universiti Putra Malaysia.

Zuarida Mohyin. (2005). Orang Asli Changkat Bintang-Majoriti Beragama Islam. Utusan Online. Diperoleh dari [www.utusan.com.my/utusan](http://www.utusan.com.my/utusan) (Diakses pada 25 Disember 2015).

Zulkifley Hamid & Pareeda Hayeetah. (2015). Melayu di Sempadan: penghilangan konsonan obstruent-homorganik dalam dialek Melayu Patani. *GEOGRAFIA Online™ Malaysian Journal of Society and Space*, 11(3): 28-41.